

KRITERIA ASAS USAHAWAN BERJAYA

KRITERIA USAHAWAN BERJAYA

Penanda aras (*benchmarking*) kepada kejayaan usahawan bukan hanya terletak kepada keuntungan yang diperolehinya semata-mata. Meskipun, prestasi keuntungan dilihat sebagai indikator kepada kejayaan usahawan namun pengabaian kepada faktor bukan ekonomi iaitu nilai rohaniah akan memberi dampak yang negatif terhadap pembangunan ekonomi yang bersifat holistik. Keghairahan mengejar faktor material semata-mata boleh menjadikan seseorang usahawan itu bersifat individualistik dan materialistik. Realiti ini berlaku disebabkan nilai agama dilihat sebagai kawalan kerohanian kepada individu muslim dalam setiap tindakan yang dilakukan. Akibat daripada kelonggaran pegangan nilai keagamaan boleh mendedahkan diri usahawan bertindak dengan cara yang salah demi mendapat keuntungan dunia secara tunggal. Umumnya, kriteria-kriteria asas kejayaan usahawan muslim dapat dirumuskan seperti berikut:

Tidak Melibatkan Diri Dalam Perniagaan atau Perkhidmatan yang Diharamkan oleh Syarak

Islam menyeru penganutnya untuk bersikap kreatif dan berinovatif dalam memakmurkan sumber alam yang telah dianugerahkan oleh Allah. Dalam setiap transaksi yang melibatkan perniagaan ataupun perkhidmatan yang diusahakan oleh usahawan, Islam menganjurkan golongan tersebut melakukan dengan tekun dan bersungguh-sungguh. Ini kerana, sebahagian besar sumber

rezeki yang melimpah ruah dikurniakan oleh Allah SWT adalah melalui aktiviti keusahawanan. Menurut Dr. Yusuf al-Qaradawi (1957) menerusi *Fatwa Mu`asir*, beliau menjelaskan bahawa dalam kerancangan bergiat aktif dalam dunia keusahawanan, Islam telah mengharamkan kepada manusia berkecimpung dalam perniagaan yang mempunyai unsur-unsur diharamkan oleh syarak.

Syarak bersifat tegas dalam hal ini, menurut perundangan Islam sekiranya mana-mana individu melakukan pelanggaran sedemikian hukumnya adalah haram. Pelakunya akan menerima azab yang pedih di akhirat kelak. Contoh yang lazim dikemukakan dalam kitab fiqah seperti perniagaan yang berkaitan dengan judi, arak, riba dan babi. Menurut perbincangan muamalah Islam, sekiranya hasil tersebut diniagakan kepada bukan muslim hukumnya kekal sebagai tidak sah. Dalam kes yang melibatkan arak, syarak mencela dan melaknat individu yang terlibat sama ada secara langsung atau sebaliknya dalam aktiviti tersebut. Peristiwa ini telah dirakamkan dalam sebuah hadis Nabi SAW seperti yang telah diriwayatkan oleh al-Hamidi berkenaan dengan seorang lelaki yang datang kepada baginda untuk menghadiahkan arak. Lantaran itu baginda bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah SWT telah mengharamkan arak. Kemudian beliau berkata kepada baginda, ‘Sekiranya begitu, aku mahu menjualkannya.’ Baginda berkata, ‘Sesungguhnya Allah yang mengharamkan minum arak mengharamkan menjualnya.’ Oleh yang demikian lelaki tersebut berkata, ‘Sekiranya begitu saya akan memuliakan (menghadiahkan) orang-orang Yahudi dengannya.’ Apabila mendengarnya baginda bersabda, ‘Sesungguhnya Allah yang telah mengharamkan menjual dan meminumnya, mengharamkan engkau memuliakan orang Yahudi dengannya.’ Mendengar jawapan tersebut beliau berkata, ‘Apa yang harus saya lakukan?’ Baginda bersabda, ‘Pergilah engkau ke jalan raya dan simbahkan ia di situ.’”